

Bidang Sukan Sepak Takraw Negara dari perspektif Azhar Haji Sarabini

Nuradila Mohd Noor
Qurratull Aini Mohd Maliki
Aniza Jamaluddin
Hanis Diyana Kamarudin

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak:

Selain daripada pembacaan dan kajian terdahulu oleh penulis terhadap tokoh, ia juga berasaskan kepada hasil temubual yang telah dibuat bersama tokoh iaitu Azhar Bin Haji Sarabini yang merupakan seorang jurulatih dalam bidang sukan sepak takraw skuad kebangsaan. Ia bermula dengan kececalan beliau dalam mengharungi tahap-tahap yang telah ditetapkan oleh Persatuan Sepaktakraw Malaysia untuk memperoleh lesen sebagai seorang jurulatih kebangsaan. Di samping itu juga, Semangat beliau yang tidak pernah pudar telah membawa beliau ke tahap yang lebih selesa hingga ke hari ini. Semangat ini perlu diterapkan dalam diri setiap generasi muda supaya tidak mudah mengalah dan berputus asa terhadap cabaran yang dihadapi demi mencapai matlamat diri. Selain itu, beliau juga berjaya menghasilkan lima buah buku mengenai dengan sukan sepak takraw yang dapat dijadikan rujukan oleh semua masyarakat pada masa kini.

Kata kunci: Azhar Bin Haji Sarabini, Sepak Takraw, Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) dan Institut Sukan Negara (ISN)

Latar Belakang Azhar Haji Sarabini

Azhar Bin Haji Sarabini atau lebih dikenali sebagai Cikgu An, merupakan anak kelahiran Selangor dimana beliau dilahirkan pada 17 Disember 1975 di Selangor. Beliau kini telah menetap di Taman Maluri, Cheras, Kuala Lumpur. Beliau mempunyai tujuh orang adik beradik, tetapi yang pertama telah meninggal dunia pada usia dua belas tahun. Nama ayah beliau ialah Haji Sarabini Bin Haji Suraqmal yang bekerja sebagai petani manakala ibunya pula Shamiah Binti Adi Noh adalah seorang suri rumah sepenuh masa. Beliau mendirikan rumah tangga bersama Rozaimah Binti Bulian dan telah dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu Adli Hakimi, Airina Sofia, Khaira Amani serta Afif Farhan. Aktiviti yang biasa dilakukan oleh beliau pada waktu lapang adalah dengan meneliti video-video lama terutamanya permainan-permainan yang berkenaan dengan sepak takraw. Ini bertujuan untuk mencari serta menambahkan ilmu bagi mengenalpasti sebarang masalah serta penambahbaikan bagi memantapkan lagi sukan sepak takraw Malaysia.

Latar Belakang Pendidikan

Azhar mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tanjung Sepat, Kuala Langat, Selangor. Kemudian, beliau bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Long dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima dan seterusnya menyambung pelajaran bagi tingkatan enam di SMK Teluk Datok Banting, Selangor. Beliau selepas itu melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Sri Kota dan seterusnya di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi menyambung pengajiannya dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan.

Semasa di bangku sekolah, beliau terlibat dengan tiga jenis sukan iaitu bola sepak, sepak takraw, dan olahraga dimana beliau lebih tertarik untuk melibatkan diri dalam acara lompatan seperti lompat kijang, lompat jauh, dan lompat tinggi. Dan beliau pernah mewakili pada peringkat negeri semasa dibangku sekolah. Walaubagaimanapun, apabila memasuki alam universiti, beliau berjaya mewakili universiti bagi kejohanan sukan Majlis Sukan Universiti

Malaysia (MASUM). Penglibatan beliau dalam sukan ini bersama rakannya yang lain telah membawa kejayaan apabila UPM telah menjadi johan dalam perlawanan sepak takraw semasa kejohanan sukan MASUM.

Perjalanan Azhar Menjadi Seorang Jurulatih Kebangsaan

Menurut Azhar, seseorang yang ingin menjadi jurulatih yang berkelayakan perlulah melalui beberapa tahap atau peringkat untuk memperolehi lesen A. Beliau juga menerangkan bahawa terdapat enam tahap yang telah dilalui beliau untuk menjadi seorang jurulatih yang berkelayakan seperti sekarang.

Pada peringkat pertama, beliau telah menjalani satu kursus yang dikendalikan oleh pihak Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) untuk mendapatkan lesen C iaitu spesifik Tahap 1 dan telah menjalani Kursus Kejurulatihan. Setelah beliau melepasi kursus kejurulatihan tersebut, beliau telah menduduki satu lagi peperiksaan iaitu kursus Sains Sukan Tahap 1. Apabila kedua-dua ujian tersebut diambil dan lulus, bahagian audit Institut Sukan Negara (ISN) telah mengesahkan kad lesen iaitu lesen Tahap 1 ataupun lesen C yang telah diluluskan oleh Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK).

Pada peringkat kedua, bagi meningkatkan lagi tahap lesen tersebut, beliau telah menjalani kursus Tahap 2 atau lebih dikenali sebagai lesen B. Tahap yang akan dijalani adalah sama seperti sebelum ini dimana beliau telah menjalani satu kursus untuk memperolehi lesen spesifik Tahap 2 yang dikeluarkan oleh persatuan induk. Kemudian, setelah melepasi ujian Tahap 2 spesifik itu, beliau telah menjalani satu lagi kursus iaitu kursus Sains Sukan Tahap 2. Seterusnya, sijil-sijil yang sebelum ini akan disatukan untuk memperolehi satu lagi lesen iaitu lesen kelas B.

Di peringkat ketiga pula, beliau berkeinginan untuk meningkatkan lagi kelayakan bagi membawa pasukan-pasukan terutamanya pasukan negeri atau pasukan negara dimana beliau telah menjalani satu lagi lesen iaitu lesen Tahap 3 atau lesen Kelas A. Seperti yang difahamkan oleh beliau sendiri, setakat ini

tidak lebih daripada sepuluh orang yang memiliki lesen Tahap A di Malaysia yang dikeluarkan oleh PSM dan Majlis Sukan Negara (MSN). Proses untuk menjalani kursus Tahap 3 ini dikatakan agak mencabar dimana beliau perlu melakukan tugas dan penyelidikan mengenai sepak takraw, menguruskan pembangunan sepak takraw, mengadakan program-program dan sebagainya.

Kemudian, beliau juga telah mengambil peperiksaan ujian bertulis di mana ujian tersebut mempunyai 60 markah. Seterusnya, beliau perlu melakukan ujian sistem amali iaitu beliau menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran ataupun pedagogi. Menurut beliau juga, kursus tersebut perlu melepasi sebanyak 40 markah bagi markah keseluruhan 100 markah. Bagi memperolehi kelulusan tahap 3 di mana ia dikendalikan oleh PSM tersebut perlulah melepasi minimum sebanyak 75% setelah digabungkan dengan kedua-dua markah ujian bertulis dan ujian sistem amali. Ia dikira gagal sekiranya tidak berjaya melepasi tahap spesifik yang telah ditetapkan oleh PSM.

Setelah lulus ujian tersebut, Azhar telah menjalani satu lagi kursus Sains Sukan Tahap 3, di mana beliau telah mengadakan satu program serta menghasilkan satu tesis yang diberikan kepada individu bertanggungjawab yang mengendalikan kursus tersebut. Kendalian dan pembentangan tesis tersebut dilakukan di hadapan tiga orang panel yang dilantik oleh Institut Sukan Negara (ISN), pembentangan tersebut bertujuan untuk mendengar dan menilai isi kandungan tesis yang telah disediakan. Beliau telah berjaya melakukan pembentangan tersebut dengan lancar dan baik serta ditauliahkan dengan sijil Sains Sukan Tahap 3. Hasil kegigihan dan usaha beliau, gabungan daripada keenam-enam peringkat ujian tersebut telah melayakkan beliau diiktiraf sebagai jurulatih yang mempunyai lesen A yang dikeluarkan oleh ISN.

Beliau telah dilantik sebagai jurulatih sepak takraw bagi pasukan Kuala Lumpur Thunder bermula pada tahun 2012 sehingga kini. Selain itu, beliau juga telah diberi kepercayaan sekaligus dilantik sebagai ketua jurulatih tekong bagi skuad kebangsaan yang akan berentap di kejohanan SEA Games 2019 dimana pertandingan tersebut akan berlangsung di Manila, Filipina.

Penulisan-Penulisan Azhar dalam Bidang Sepak Takraw

Selain aktif dalam bidang kejurulatihan, Azhar turut berkecimpung dalam bidang penulisan berkenaan dengan sukan sepak takraw. Beliau berjaya menghasilkan 'Siri Kenali Sepak Takraw' yang telah diterbitkan pada tahun 2015. Penulisan tersebut adalah mengenai pengetahuan dalam bidang sepak takraw yang merangkumi lima bahagian. Beliau berjaya menghasilkan penulisan ini selama 4 tahun, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran sepanjang menyiapkan hasil tulisan tersebut.

Buku pertama yang telah dihasilkan oleh beliau bertajuk '*Sejarah*' yang diterbitkan pada tahun 2015 di mana buku tersebut telah dihantar untuk mendapatkan pengesahan daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Buku yang bertajuk '*Sejarah*' ini adalah berkenaan sejarah sepak takraw Malaysia iaitu bagaimana wujudnya nama sepak takraw, siapa pengasas sepak takraw, peraturan-peraturan yang terdapat dalam sepak takraw serta negara-negara yang turut sama terlibat dalam sukan sepak takraw. Selain itu, dalam penulisan tersebut juga terdapat fakta mengenai bagaimana nama sepak raga bertukar kepada sepak jaring.

Seterusnya, buku kedua bertajuk '*Regangan*' yang menceritakan tentang regangan-regangan yang terdapat dalam sukan sepak takraw. Menurut beliau, buku ini ditulis bertujuan untuk jurulatih ataupun guru-guru agar mereka dapat mengaplikasikan ilmu tersebut dalam latihan. Kandungan buku tersebut menerangkan tentang regangan yang perlu dilakukan sebelum memulakan permainan seperti regangan kaki, badan, tangan, serta kepala. Selain itu, terdapat regangan berbeza bagi setiap posisi pemain untuk mengelakkan kecederaan berlaku.

Kemudian, buku-buku yang seterusnya dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu '*Tekong*', '*Apit kanan*' dan '*Apit Kiri*'. Bagi buku yang bertajuk '*Tekong*', kandungannya merangkumi senarai nama tekong-tekong terbaik di Malaysia pada masa dahulu dan kini. Selain itu, kandungannya buku ini juga menjelaskan bagaimana untuk menjadi seorang tekong daripada fasa asas sehingga dapat melakukan servis yang mantap dan baik. Manakala, buku yang bertajuk '*Apit Kanan*' pula terdapat gambar-gambar Adnan Saidin dan Sahak

Yasin yang pernah menjadi pemain lagenda negara pada masa dahulu serta terdapat juga fakta mengenai pengetahuan tentang teknik-teknik latihan dan bagaimana untuk menjadi seorang apit kanan yang digeruni dan hebat untuk melakukan pukulan. Kemudian, buku yang terakhir iaitu yang bertajuk 'Apit Kiri' atau boleh dikenali sebagai pengumpun dalam sukan sepak takraw. Buku ini mengandungi fakta dan pengetahuan berkenaan latihan-latihan untuk mengasah ketangkasan dan pergerakan bagi pemain yang memegang posisi tersebut.

Azhar sebagai pengerusi Pembangunan Sepak Takraw

Azhar merupakan pengerusi bagi persatuan sepak takraw Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Fungsi persatuan tersebut bertujuan mengenal pasti dan melaksanakan program latihan serta memastikan sekolah-sekolah yang mempunyai program ini dapat dijadikan sumbangan kepada persatuan. Hal ini demikian kerana persatuan tersebut akan mengendalikan kejohanan-kejohanan lebih tinggi yang dianjurkan oleh MSSN seperti Sukan Malaysia (SUKMA).

Apabila persatuan melaksanakan tanggungjawabnya, maka hubungan antara pihak persatuan dan pihak sekolah terjalin dengan baik. Program-program yang dijalankan oleh pihak persatuan membolehkan pemain-pemain yang berbakat dalam dapat dikenalpasti dan digilap bakat-bakat mereka supaya menjadi seorang pemain yang handal. Hal ini juga membolehkan pemain yang sedia ada tidak akan pernah berkurang dan sentiasa mempunyai pelapis-pelapis baru yang berbakat dalam sukan sepak takraw.

Anugerah Dan Pencapaian

Azhar pernah dicalonkan sebagai jurulatih terbaik Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2013/2014. Pencalonan ini telah menaikkan semangatnya untuk terus berusaha menjadi yang terbaik walaupun

beliau tidak memenangi anugerah tersebut. Pada saat ini, beliau sangat bangga dengan pencapaian yang diperolehi hasil daripada usahanya sebelum ini.

Selain itu, pasukannya berjaya membawa pulang satu emas dan satu perak bagi Sukan Asia di Palembang pada tahun 2018. Kejayaan ini merupakan yang paling bermakna buat beliau bersama pasukan di bawah bimbingannya. Mereka juga telah berjaya menjadi juara untuk beberapa kejohanan seperti SUKMA, Piala Emas Khir Johari, dan Kejohanan Sepaktakraw Kebangsaan Grand Prix (GP). Setiap tahun, pasukan yang dikendalikan oleh beliau akan merangkul kedudukan tempat ketiga yang terbaik di Malaysia.

Sebelum perlawanan, beliau bertanggungjawab dalam memastikan pasukan dibawah bimbingannya menjalani latihan sepenuhnya sebelum sesuatu perlawanan. Disamping itu, beliau juga turut menerapkan unsur-unsur kerohanian supaya pemain akan lebih bersemangat, mempunyai keyakinan yang tinggi serta tidak mudah mengalah dalam menghadapi pihak lawan semasa perlawanan berlangsung. Beliau menerapkan elemen-elemen tersebut semasa menjalani latihan di dalam gelanggang. Pasukan dibawah bimbingannya perlu berlatih sekurang-kurangnya tiga atau empat jam sahaja pada setiap hari.

Harapan Dan Nilai

Azhar berharap agar sukan sepak takraw lebih berkembang maju dan pesat selari dengan kejohanan *Sepak Takraw League* (STL) serta kejohanan-kejohanan lain yang telah sedia ada. STL merupakan satu platform yang telah berjaya menarik minat masyarakat dari pelbagai peringkat umur. Melalui STL juga, pengetahuan mereka mengenai sukan ini lebih meluas. Secara tidak langsung, pengetahuan tersebut mungkin menarik minat masyarakat untuk menceburi sukan ini di masa hadapan.

Sukan sepak takraw merupakan salah satu sukan yang ditayang secara langsung terutamanya melalui televisyen. Menurut beliau, tayangan tersebut menarik minat kanak-kanak mahupun dewasa untuk mengetahui lebih lanjut

hal yang berkaitan dengan sukan sepak takraw. Tayangan secara langsung tersebut memaparkan bagaimana sukan ini dipertandingkan. Ini merupakan salah satu cara untuk mempromosikan sukan sepak takraw agar lebih dikenali oleh masyarakat.

Melalui sukan ini juga, nilai-nilai murni dapat diterapkan dalam diri setiap pemain. Hal ini demikian kerana sukan ini menitikberatkan nilai adab dan budaya. Sebagai contoh, pemain-pemain dari Malaysia tetap bersalam dan bercium tangan apabila berjumpa dengan orang yang lebih tua daripada mereka. Ini merupakan salah satu adab yang diamalkan oleh pemain-pemain sukan sepak takraw.

Kesimpulan

Perkongsian pengalaman dan sumbangan Azhar telah membuka mata mengenai bidang sukan sepak takraw yang mempunyai seni dan keistimewaannya yang tersendiri. Hal ini telah menarik minat generasi muda untuk menyelami bidang sukan sepak takraw dan para atlet juga lebih bersemangat untuk mengharumkan nama negara. Pada saat ini, beliau masih mempunyai semangat yang tinggi bagi membantu pasukan kebangsaan ke peringkat yang lebih baik. Kegigihan dan semangat tidak mudah mengalah yang ada dalam diri beliau perlu dicontohi dan disematkan dalam diri generasi muda masa kini agar lebih berjaya pada masa akan datang.

Rujukan

Azhar Haji Sarabini. (2019, Oktober 21&22). Sumbangan dan Pencapaian dalam Bidang Sukan Sepak Takraw, [temubual]

Azhar Haji Sarabini. (2015). Sejarah. Ampang: Nur Creative Enterprise.

Azhar Haji Sarabini. (2015). Regangan. Ampang: Nur Creative Enterprise

Azhar Haji Sarabini. (2015). Tekong. Ampang: Nur Creative Enterprise.

Azhar Haji Sarabini. (2015). Apit Kanan. Ampang: Nur Creative Enterprise.

Azhar Haji Sarabini. (2015). Apit Kiri. Ampang: Nur Creative Enterprise.